



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
2019**

**CALON BERKEPERLUAN KHAS
KATEGORI B**

B

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
2019**

BAHAGIAN A

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan (<http://lp.moe.gov.my/>).
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
4. merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan yang sedang berkuatkuasa.

BAHAGIAN B

GURU BESAR - ARAHAN AM

Guru Besar hendaklah:

1. mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 kepada semua calon.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas soalan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuatkuasa.

BAHAGIAN C

KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN - ARAHAN AM

Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 dimaklumkan kepada calon.
2. mencatatkan di papan tulis dan memaklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
3. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019.

4. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
5. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
6. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
7. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
8. **memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang *LP/Am 29 - Pin. 1/2019 akur dengan bilangan calon dalam Buku Rekod Pengawasan (BRP) bagi sesuatu kertas peperiksaan.** **Baharu*
9. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan di Bahagian D: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
10. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan di Bahagian D: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
11. merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuatkuasa.

BAHAGIAN D

CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis sama ada kertas peperiksaan objektif aneka pilihan atau kertas peperiksaan subjektif akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan UPSR 2019.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak sekolah sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama Akauntan Negara Malaysia menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR 2019 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk masing-masing di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.3 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran nama kertas, kod kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca dan mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menulis **Angka Giliran** dan **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dengan jelas dan betul di muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.2 menulis **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** dengan jelas dan betul di muka hadapan Helaian Tambahan (HT).
- 4.3 calon hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pensel atau pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pencil atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 memastikan **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas** dan **Kod Kertas** telah ditulis dengan betul di

muka hadapan pada skrip jawapan peperiksaan apabila diarah berhenti menulis.

- 4.7 memastikan setiap helaian tambahan disusun mengikut urutan nombor soalan sebelum diikat bersama skrip jawapan peperiksaan.
- 4.8 berada di tempat duduk masing-masing semasa skrip jawapan peperiksaan atau kertas peperiksaan tertutup dikumpul semula oleh Pengawas Peperiksaan.

5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas** dan **Kod Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas** dan **Kod Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.4 Calon hendaklah menanda ruangan BAHASA DIGUNAKAN untuk menjawab kertas peperiksaan yang berkenaan.
- 5.5 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B sahaja.
- 5.6 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.7 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.8 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.9 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

6. AMARAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari dewan/bilik peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan.

- 6.3 membawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan berlangsung.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.

7. LARANGAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan serta telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
- 7.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 7.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.8 membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan berlangsung.
- 7.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan berlangsung.
- 7.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

8. PERINGATAN

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D: 7. Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

- i. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

JADUAL MASA TAMBAHAN CALON BERKEPERLUAN KHAS

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis kertas peperiksaan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A

1. Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal.
2. Calon yang mengalami kemalangan dan tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
3. Calon yang mengalami kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas kebenaran Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan).

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR	Masa tambahan yang diberi
1.	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2.	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam

Kategori B

1. Calon Kurang Upaya Pendengaran.

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan UPSR	Masa tambahan yang diberi
1.	1 jam atau kurang	15 minit
2.	1 jam 15 minit	20 minit
3.	1 jam 30 minit	25 minit

AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang menduduki peperiksaan di bilik/dewan peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan serta telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan berlangsung.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal.

LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BORANG PENGAKUAN CALON

NAMA CALON			
ANGKA GILIRAN			
NOMBOR KAD PENGENALAN/ NOMBOR PENGENALAN DIRI			
PEPERIKSAAN		TAHUN	
PENGAKUAN CALON			
<p>Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua Amaran Peperiksaan/Pentaksiran seperti yang dinyatakan di atas.</p> <p>Tandatangan: Tarikh:</p>			
PENGESAHAN GURU BESAR/PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI			
<p>Tandatangan: Tarikh:</p>			

NOTA: Borang BPC yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Guru Besar/Pengetua bagi calon sekolah atau Pihak Jabatan Pendidikan Negeri bagi calon persendirian. Pihak Jabatan Negeri/Sekolah/Institut hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam (6) bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS UPSR 2019

CALON BERKEPERLUAN KHAS KATEGORI B

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	JENIS KERTAS
RABU 4 SEPTEMBER 2019	08:00 pagi - 08:15 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat dan mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
	08:15 pagi - 09:50 pagi	011*	Bahasa Melayu Pemahaman (SK)	1 jam 35 minit	Objektif dan Subjektif
		021	Bahasa Melayu Pemahaman (SJJC)	1 jam 35 minit	
		031	Bahasa Melayu Pemahaman (SJKT)	1 jam 35 minit	
	10:30 pagi - 10:45 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
10:45 pagi - 12:20 tengah hari	012*	Bahasa Melayu Penulisan (SK)	1 jam 35 minit	Subjektif	
	022	Bahasa Melayu Penulisan (SJJC)	1 jam 35 minit		
	032	Bahasa Melayu Penulisan (SJKT)	1 jam 35 minit		
KHAMIS 5 SEPTEMBER 2019	08:00 pagi - 08:15 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat dan mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
	08:15 pagi - 09:50 pagi	013	Bahasa Inggeris Pemahaman (SK)	1 jam 35 minit	Objektif dan Subjektif
		023	Bahasa Inggeris Pemahaman (SJJC)	1 jam 35 minit	
		033	Bahasa Inggeris Pemahaman (SJKT)	1 jam 35 minit	
	10:30 pagi - 10:45 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
10:45 pagi - 12:20 tengah hari	014	Bahasa Inggeris Penulisan (SK)	1 jam 35 minit	Subjektif	
	024	Bahasa Inggeris Penulisan (SJJC)	1 jam 35 minit		
	034	Bahasa Inggeris Penulisan (SJKT)	1 jam 35 minit		

* Kertas ini juga diambil oleh calon SJK

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS UPSR 2019

CALON BERKEPERLUAN KHAS KATEGORI B

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	JENIS KERTAS
SELASA 10 SEPTEMBER 2019	08:00 pagi - 08:15 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	15 minit
	08:15 pagi - 09:30 pagi	015/1	Matematik Kertas 1 (SK)	1 jam 15 minit	Objektif
		025/1	Matematik Kertas 1 (SJJC)	1 jam 15 minit	
		035/1	Matematik Kertas 1 (SJKT)	1 jam 15 minit	
	10:30 pagi 10:45 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
10:45 pagi 12:00 tengah hari	015/2	Matematik Kertas 2 (SK)	1 jam 15 minit	Subjektif	
	025/2	Matematik Kertas 2 (SJJC)	1 jam 15 minit		
	035/2	Matematik Kertas 2 (SJKT)	1 jam 15 minit		
RABU 11 SEPTEMBER 2019	08:00 pagi - 08:15 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>	15 minit
	08:15 pagi - 09:30 pagi	018/1	Sains Kertas 1 (SK)	1 jam 15 minit	Objektif
		028/1	Sains Kertas 1 (SJJC)	1 jam 15 minit	
		038/1	Sains Kertas 1 (SJKT)	1 jam 15 minit	
	10:30 pagi 10:45 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
10:45 pagi 12:00 tengah hari	018/2	Sains Kertas 2 (SK)	1 jam 15 minit	Subjektif	
	028/2	Sains Kertas 2 (SJJC)	1 jam 15 minit		
	038/2	Sains Kertas 2 (SJKT)	1 jam 15 minit		

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS UPSR 2019

CALON BERKEPERLUAN KHAS KATEGORI B

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA	JENIS KERTAS
KHAMIS 12 SEPTEMBER 2019	08:00 pagi - 08:15 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat dan mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
	08:15 pagi - 09:50 pagi	026	Bahasa Cina Pemahaman	1 jam 35 minit	Objektif dan Subjektif
		036	Bahasa Tamil Pemahaman	1 jam 35 minit	
	10:30 pagi - 10:45 pagi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Jawapan Soalan Subjektif</i>	15 minit
10:45 pagi - 12:20 tengah hari		027	Bahasa Cina Penulisan	1 jam 35 minit	Subjektif
		037	Bahasa Tamil Penulisan	1 jam 35 minit	